

10/05/2002

PM bimbang rakyat asing kuasai industri petroleum

Zulkofli Jamaludin; Saidon Idris

KERTIH, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bimbang kemungkinan industri petroleum negara dikuasai rakyat asing sekiranya usahawan dan orang Melayu enggan menceburi sektor berkenaan.

Sambil membidas sikap generasi muda yang lebih suka melepak di bandar, Perdana Menteri berkata, orang lain akan mengambil alih negara jika keadaan itu terus berlaku.

"Jika kita terus macam ini, tidak lama orang lain mengambil alih negara kita. Ini yang jadi masalah. Dari zaman penjajah dulu pun, kerana tidak sanggup bekerja (industri lombong dan getah), orang asing dibawa masuk.

"Sekarang mereka dah jadi warga Malaysia. Kalau kita tak sanggup kerja juga (dalam industri petroleum), tak lama negara kita ini, penduduknya akan terdiri daripada orang Indonesia, Filipina, Thailand dan Bangladesh," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Kompleks Industri Petroleum Petronas (KIPP) di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Perdana Menteri berkata, jika orang asing sudah berada dan menguasai industri di negara ini, orang Melayu tidak akan dapat menghalau mereka.

Beliau berkata, seorang rakyat Amerika Syarikat yang ditemui sanggup mengambil masa penerbangan selama 20 jam untuk bekerja dalam industri minyak di negara ini.

"Saya ingat negara dia jauh lebih maju dari Malaysia tetapi orang asing itu sanggup bekerja di sini, tetapi kita tak hendak. Pemuda kita tak hendak kerana nak seronok lepak duduk di bandar," katanya.

"Kalau buat macam ni, tak lama, orang lain ambil alih negara kita ni," katanya.

Ditanya apakah Kerajaan Pusat akan terus menyalurkan bantuan melalui Program Pembiayaan Wang Ehsan kepada Terengganu, Dr Mahathir berkata: "Tengoklah kalau ada keperluan.

"(Bagaimanapun), kalau hendak membina lebuh raya bertol, kerajaan tidak boleh laksanakannya kerana kadar lalu lintas tidak cukup."

(END)